



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN MOHD NOOR BIN MAHMUD  
TOKOH SENI KONTEMPORARI**

**OLEH:**

<b>NUWAIRAH BINTI MOHD YUSUF</b>	<b>2021603696</b>
<b>NUR SHAIRAH ATIQAH BINTI MOHD HAMZAR</b>	<b>2021467582</b>

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2014 – JAN 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN MOHD NOOR BIN MAHMUD  
TOKOH SENI KONTEMPORARI

OLEH:

NUWAIRAH BINTI MOHD YUSUF	2021603696
NUR SHAIRAH ATIQAH BINTI MOHD HAMZAR	2021467582

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2023 – FEBRUARI 2024)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

*BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM DAN ASSALAMUALAIKUM w.b.t*

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t, dengan limpah kurnianya kami berjaya menyiapkan tugas ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun secara tidak langsung dalam menjayakan kerja khusus kami bagi subjek IMR604: Oral Documentation, iaitu projek “Transkrip Temubual Bersama Tuan Mohd Noor Bin Mahmud: Tokoh Seni Kontemporari” dengan jayanya. Kami sangat menghargai kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat sehingga kami berjaya berada di tahap ini.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana telah memberikan tunjuk ajar sepanjang semester ini bagi menyiapkan tugas khusus ini. Kesabaran dan ketabahan beliau dalam mencerahkan segala ilmu adalah besar jasanya kepada kami. Kami sangat bersyukur segala ajaran yang diberikan oleh beliau adalah mudah difahami dan beliau juga tidak pernah berputus asa dalam mengajar kami demi memastikan kami faham segala yang diajari oleh beliau di dalam kelas.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada Tuan Mohd Noor Bin Mahmud kerana telah banyak berkongsi mengenai biografi beliau serta liku-liku kehidupan beliau sepanjang bergelar seorang artis seni kontemporari di dalam bidang seni lukis. Walaupun sibuk dengan kerjaya, beliau sanggup meluangkan masa bersama kami selama satu jam setengah untuk menceritakan biografi beliau serta pengalaman pahit dan manis beliau dalam bidang seni lukis. Kami sangat bersyukur kerana Tuan Mohd Noor Bin Mahmud memberikan kerjasama yang tak terhingga kepada kami dalam menyiapkan tugas khusus ini.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan kami yang banyak memberi dorongan, sokongan dan semangat kepada kami semasa tugas ini dilakukan. Kami amat menghargai jasa kalian kepada kami. Semoga Allah s.w.t memberkati kita semua.

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**ABSTRAK:** Temubual ini dilakukan bersama Artis Seni Kontemporari Malaysia iaitu Mohd Noor Mahmud untuk mengetahui lebih lanjut tentang apakah seni kontemporari itu dan bagaimanakah kerjaya beliau dalam seni. Temubual ini dijalankan di sekolah. Tarikh temubual tersebut adalah pada 13 December 2023 bermula pada jam 8 pagi hingga 10 pagi. Tuan Mohd Noor Mahmud sekarang merupakan cikgu seni di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bharu, beliau mula berkecimpung dalam dunia seni sejak 1986 dan mula berkhidmat sebagai tenaga pengajar seni kontemporari pada 1990 selain dari itu beliau juga mempunyai galeri sendiri yang memaparkan hasil seni beliau. Hasil karya beliau pernah mendapat penghargaan daripada pihak Istana Budaya. Karya tersebut merupakan daripada salah satu siri beliau iaitu "Siri Rasa Bertuhan" yang merupakan sambutan 99 Nama Allah, yang terdiri daripada 101 karya seni, termasuk "Allah" dan "Bismillah," karya-karya yang dihasilkan tersebut menggunakan elemen tulisan jawi (tulisan khat) dan mengambil masa lima tahun untuk tokoh menyiapkannya. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh iaitu Tuan Mohd Noor Mahmud ketika berkecimpung dalam bidang seni lukis kontemporari. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

**Kata kunci:** Artis Seni Kontemporari Malaysia, Mohd Noor Mahmud, seni kontemporari, pihak Istana Budaya, sumber inspirasi

## ABSTRACT

**ABSTRACT:** This interview was conducted with Malaysian Contemporary Art Artist Mohd Noor Mahmud to find out more about what contemporary art is and what his career in art is like. This interview was conducted at school. The date of the interview is on 13 December 2023 starting at 8 am to 10 am. Tuan Mohd Noor Mahmud is now an art teacher at the Kota Bharu National Secondary School, he started dabbling in the world of art since 1986 and started serving as a contemporary art instructor in 1990. Apart from that, he also has his own gallery that displays his art. His work has been appreciated by Istana Budaya. The work is from one of his series which is "Siri Rasa Bertuhan" which is a celebration of the 99 Names of Allah, which consists of 101 works of art, including "Allah" and "Bismillah", the works produced using elements of Jawi writing (calligraphic writing) and it took five years for the figure to complete it. Various tests and challenges have been faced by Tuan Mohd Noor Mahmud when dealing in the field of contemporary painting. The history of his life and career can be used as a source of inspiration for everyone.

**Keywords:** Malaysian Contemporary Art Artist, Mohd Noor Mahmud, contemporary art, Istana Budaya, source of inspiration

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iv
Biodata Penemubual.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	viii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	05
Bahagian 3: Kerjaya Awal.....	10
Bahagian 4: Kerjaya dalam Bidang Seni Kontemporari.....	12
Bahagian 5: Kerjaya sebagai Pelukis.....	20
Bahagian 6: Galeri.....	24
Bahagian 7: Kerjaya sebagai guru.....	27
Bahagian 8: Sumbangan dan Pencapaian.....	30
Bahagian 9: Harapan.....	34
Lampiran	
Log Wawancara.....	35
Diari Kajian.....	38
Senarai Soalan.....	41
Surat Perjanjian.....	47
Gambar.....	48
Sijil Penghargaan.....	54
Indeks.....	55

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## **BIODATA PENEMUBUAL**



<b>Nama:</b>	Nuwairah Binti Mohd Yusuf
<b>Tarikh Lahir:</b>	
<b>Tempat Lahir:</b>	
<b>Alamat:</b>	
<b>No Telefon:</b>	
<b>Emel:</b>	
<b>Program:</b>	IM245

## BIODATA PENEMUBUAL



<b>Nama:</b>	Nur Shairah Atiqah binti Mohd Hamzar
<b>Tarikh Lahir:</b>	
<b>Tempat Lahir:</b>	
<b>Alamat:</b>	
<b>No Telefon:</b>	
<b>Emel:</b>	
<b>Program:</b>	

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



<b>Nama tokoh</b>	<b>Mohd Noor bin Mahmud</b>
<b>Nama samaran</b>	<b>Mat Noor</b>
<b>Tarikh lahir</b>	
<b>Tempat lahir</b>	<b>Kota Bharu, Kelantan</b>
<b>Alamat</b>	
<b>No. telefon</b>	
<b>Profesjon</b>	<b>Guru</b>
<b>Bidang</b>	<b>Seni Kontemporari</b>

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Transkrip temubual ini berkisarkan tentang tokoh seni kontemporari iaitu, Mohd Noor bin Mahmud yang berasal dari Kampung Rambutan Rendang, Kota Bharu, Kelantan beliau ialah salah seorang tokoh yang bertanggungjawab menghasilkan dan menaikkan nama seni kontemporari ini sehingga ke peringkat global. Setelah menamatkan pengajian di Tingkatan 6, beliau menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi di Universiti Teknologi MARA di Kampus Shah Alam dalam jurusan seni halus selama 18 tahun. Setelah itu, beliau melanjutkan pengajian beliau dengan mengambil kursus yang sama di Leicester, United Kingdom selama 2 tahun kemudian di student embassy di Jerman untuk *profesional study* selama setahun dan Pratt University, United States selama 1 tahun.

Selain itu, dengan menggabungkan pengaruh-pengaruhnya dari pelbagai corak budaya, Mohd Noor bin Mahmud muncul sebagai tokoh penting dalam perbincangan seni kontemporari. Pada masa yang sama, beliau mencipta identiti unik yang mencapai kemajuan besar dalam dunia seni. Kita akan melihat beberapa karya yang menjadi puncak kreativitasnya, di mana setiap goresan dan warna adalah jejak perjalanan artistik yang memikat melalui lensa ini. Antaranya ialah "Siri Imajan", "Siri Gua" pada tahun 1990-an, "Siri Kala Kota Bharu", juga dikenali sebagai "warna Kota Bharu," "Dikir Rambutan Rendang", yang dinamakan sempena kampungnya di Kelantan dan akhir sekali "Siri Rasa Bertuhan" ialah sambutan 99 Nama Allah, yang terdiri daripada 101 karya seni, termasuk "Allah" dan "Bismillah,".

Kajian ini dijalankan di Kota Bharu, Kelantan dan kaedah temubual secara bersempua telah dijalankan antara penyelidik dan tokoh dimana penyelidik menanyakan beberapa soalan yang telah siap dirangka untuk tujuan mendapatkan maklumat dengan lebih jelas tentang Seni Kontemporari. Kajian ini menggunakan temu bual berstruktur, yang bermaksud temu bual dilakukan secara formal, dirancang dengan teliti, dan mengikut senarai soalan yang telah diberikan oleh penyelidik kepada subjek untuk mereka menjawab.

# **TRANSKRIP**

# TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengenalan hidup seseorang tokoh dalam bidang seni lukis. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Noor Mahmud yang merupakan seorang artis seni kontemporari. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 december 2023 bersamaan dengan hari rabu pada pukul 8.00 pagi bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Nuwairah binti Mohd Yusuf dan Nur Shairah Atiqah binti Mohd Hamzar. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

TMM: Tuan Mohd Noor  
NMY: Nuwairah Mohd Yusuf  
NSA: Nur Shairah Atiqah

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NMY : Assalamualaikum cikgu mengenai latar belakang peribadi cikgu, saya nak tanya lah, ni *basic [asas] question [soalan]* lah *basically, [pada asasnya] so, [jadi] nama penuh cikgu?*

TMM : (Berfikir) Mohd Noor Mahmud.

NMY : Tarikh lahir cikgu?

TMM : Tarikh lahir, oh rahsia,

NMY :

TMM :

**NMY : (Berfikir) cikgu lahir dan dibesarkan kat mana?**

TMM : Kota Bharu.

**NMY : Tempat tinggal cikgu *skare* [sekarang]?**

TMM : Kota Bharu.

**NMY : (Berfikir) *okay* [baiklah] hobi cikgu?**

TMM : Saya tak pernah ada hobi, memang saya *takde* [tiada] hobi.

**NMY : (Berfikir) bolehkah cikgu cerita serba sedikit tentang adik-beradik cikgu?**

TMM : Ohh, adik beradik saya ada tujuh [7].

**NMY : Ada tujuh [7] eh? Ramai tu.**

TMM : Saya dan adik saya sahaja yang bekerja dengan kerajaan lah. *Sorang* [seorang] tu tentera. Yang lain kerja sendiri.

NMY : Dimanakah mereka tinggal sekarang?

TMM : Tinggal? Kelantan.

NMY : Semua tinggal **Kelate** [Kelantan]?

TMM : Mestila semua tinggal di Kelantan la.

NMY : Siapakah nama isteri cikgu dan berapakah umur beliau?

TMM : Uishh, (terkejut) nama isteri pun kena ada? Ini kalau ada empat [4] isteri, empat [4] empat [4] kena bagitahu?

NMY : (Ketawa) **Ho [Ya]** lah.

TMM : Saya bagi satu sudah lah, scbab tiga [3] *tu* [itu] belum ada lagi.

NMY : **Ho [ya] memey [betul], jange [jangan] cikgu, sore [seorang] sudoh [sudah] lah.** (Ketawa)

TMM : Isteri, Usia, sebaya saya.

**NMY** : Berapakah usia perkahwinan cikgu sekarang?

**TMM** : Usia perkahwinan *baru* [baharu] berapa eh (berfikir)? Tiga puluh tiga [33] tahun.

**NMY** : Berapakah bilangan anak cikgu?

**TMM** : Anak empat [4].

**NMY** : Apakah pekerjaan mereka?

**TMM** : *Sorang* [seorang] *designer* [pereka bentuk]. *Sorang* [seorang] arkitek. *Sorang* [seorang] meniaga, sewa par dulang perkahwinan, Bunga Chemp, kalau awak tengok dalam *IG* [Instagram] search bungachamp\_studio. Ha dia la *tu* [itu]. *Ni* [ini] sikit lagi awak boleh tempah lah dengan dia.

**NMY** : (Ketawa) *Memey* [mesti] *doh* [dah].

**TMM** : Dan saya ada anak istimewa *sorang* [seorang].

**NMY** : Adakah mereka duduk bersama sama dengan cikgu?

**TMM** : Duduk bersama? Ya. Yang *number* [nombor] dua [2] dan yang bongsu, istimewa.

## **TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**NMY** : Baiklah mengenai sejarah pendidikan pula...Bolehkah cikgu menceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan awal cikgu? Dimanakah cikgu bersekolah sewaktu sekolah rendah dan menengah?

**TMM** : Sekolah rendah saya ada beberapa buah sekolah, yang saya ingat (berfikir) Sekolah Kem Terendak, Melaka, sebab ayah saya tentera. Kemudian, Sekolah Rambutan Rendang dan sekarang ini ia diubah kepada Sekolah Sri Cempaka. Dulu Rambutan Rendang eh. Saya kalau orang tanya saya sekolah mana, saya Rambutan Rendang. Kalau Sri Cempaka saya tak sekolah. Tapi sekolah *tu* [itu] diubah nama.

**NMY** : Siapakah kawan baik cikgu ketika waktu sekolah dahulu?

**TMM** : Ramai kawan baik saya, semua kawan saya baik. Saya *takde* [tiada] kawan yang *specific* [khusus]. Saya semua kawan, kawan baik saya.

**NMY** : Siapakah guru kegemaran cikgu ketika di sekolah dahulu?

**TMM** : Guru kegemaran? Semua guru adalah guru kegemaran saya. *Deh* [Ya]? Yang saya ingat ada lah beberapa. Semua nama saya ingat lagi tapi *takkan* [tak akan] saya nak bagitahu *sorang-sorang* [seorang-seorang]. Ada yang dah meninggal, tapi ramai la yang dah meninggal, tapi ada *sorang* [seorang] dua [2] yang belum lagi.

Tapi, umur dah *lapey puluh* [lapan puluh] [80], *semiley puluh* [sembilan puluh] [90].

**NMY : Apakah mata pelajaran yang menjadi kegemaran cikgu sewaktu sekolah dahulu?**

TMM : Mata pelajaran yang menjadi kegemaran saya sewaktu sekolah dahulu? Saya sangat suka, sekolah rendah ialah, subjek yang paling saya suka..tak ada. Memang tak ada, semua subjek tak *best* [seronok]. Sekolah menengah juga semua ta - tak *best* [seronok]. Tak seronok, *deh* [ya]? Sebab saya *budok* [budak] *kei* [kan]. Dia ajar saya macam nak jadi profesor dah. Sepatutnya ajar lah saya jadi *budok* [budak] *kei* [kan]?

**NMY : (Ketawa) Main la *kiro* [kira]?**

TMM : Main lah (ketawa). Subjek paling saya suka main lah. Eh? (bertanya) itu lah yang paling saya suka.

**NMY : Apakah pencapaian tertinggi yang pernah tuan capai sewaktu di sekolah dahulu?**

TMM : Pencapaian tertinggi waktu sekolah dahulu? Tak adaaa. Memang saya tak ada. Memang saya tak capai apa-apa pun dan tak pernah jadi, pegang jawatan apa-apa pun. Ketua kelas pun tak pernah jadi. Penolong kelas *takde* [tiada] *takde* [tiada]. Saya tak pernah pegang apa-apa sampai lah sekarang. Tak pernah ada jawatan *deh* [ya]? Eh (berfikir) tapi dulu saya pernah mewakili Kelantan dalam bola tampar, dalam tennis. Tapi bukan saya suka pun. Saya tak suka pun, *enjoy* [nikmati] je lah, kalau kalah, kalah lah, kalau menang, menang lah. *Deh* [Ya]? Apa lagi eh? (berfikir) hoki. Tiga [3] tiga [3] permainan lah yang saya wakil Kelantan *dulu* [dahulu].

**NSA** : **Tapi kira aktif juga lah cikgu? Tu *[itu]* banyak masuk?**

TMM : Tak aktif pun. Tak tahu, tiba-tiba. (Ketawa)

**NMY** : **Dimanakah cikgu menyambung pelajaran setelah tamat persekolahan?**

TMM : UiTM [Universiti Teknologi MARA], Shah Alam.

**NMY** : **Siapakah yang menjadi kawan baik cikgu ketika di universiti?**

TMM : Semua kawan baik. Saya *takde* [tiada]...semua kawan baik saya.

NMY : (berfikir) masa cikgu sambung *pelajare* [pelajaran] (berfikir)  
UiTM [*Universiti Teknologi MARA*] tu [itu]? Umur *berapa* [berapa]?

TMM : Lepas STPM [*Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia*] lah. *Macey* [macam] awak lah.

NMY : *Lape belah* [Lapan belas] [18]?

TMM : Ya, lapan belas [18].

NMY : Siapakah yang menjadi pensyarah kegemaran cikgu sewaktu di universiti?

TMM : Semua pensyarah saya gemar semua *deh* [ya]? Tak ada pensyarah yang saya tak gemar dan pensyarah saya kebanyakannya pelukis semuanya. Sebab saya *ambil* [ambil] dalam bidang seni halus.

NMY : Pernahkah tuan mewakili universiti dalam apa-apa program?

TMM : Tak adaaa. Tak pernah. Masa *free* [bebas] baik tidur. Kan? Buat apa nak pergi?. Baik buat kerja, baik masuk *library* [perpustakaan]. *Lepastu* [Selepas itu] saya sambung ke Leicester, di UK [*United Kingdom*] dalam bidang seni halus.

NMY : *Gapo* [*Apa*] cikgu? *Lei-?* *Mano* [*Mana*] tu [itu], cikgu?

TMM : Leicester, L-E-I-C-E-S-T-E-R, UK [*United Kingdom*]. Kemudian sambung student embassy di Jerman untuk *profesional study*. Kemudian saya ke Pratt University, United States untuk *professional study* [pengajian profesional] juga. Bukan untuk sijil apa-apa, tapi untuk *professional study* [pengajian profesional].

NMY : (berfikir) *macey* [macam] dekat Lanchester tu...

TMM : Leicester, bukan Lanchester la mek [*gadis*]...

NMY : (Ketawa) haa Leicester *tu* [itu] *berapa* [berapa] tahun cikgu duduk situ?

TMM : (berfikir) saya kat [*dekat*] situ selama dua [2] tahun.

NMY : *Pastu* [Lepas itu] dekat Jerman?

TMM : Dekat Jerman setahun...dekat Pratt setahun. Sebenarnya dekat Pratt dan Jerman lebih kurang kursus lah. Sebab saya duduk di dalam studio.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### **BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL**

**NMY** : Baiklah untuk kerjaya awal pula... selepas tamat persekolahan adakah cikgu pernah memulakan pekerjaan sambilan dan apakah pekerjaan cikgu ketika itu?

**TMM** : Kerjaya awal tamat persekolahan saya jual ikan dan tanam sayur, kerja kampung lah.

**NMY** : Berapakah pekerjaan sambilan yang pernah cikgu buat?

**TMM** : *Berapo* [berapa] banyak pekerjaan? Banyak lah, buat kerja seperti cat jalan, macam-macam kerja. Masa *student* [pelajar] pun saya bekerja lah. Ada jadi tukang basuh pinggan.

**NMY** : Berapakah gaji cikgu ketika itu?

**TMM** : Gaji? Gaji hari. Ini masa sekolah, masa universiti pun saya bekerja juga. Malam kerja, hari minggu pun saya bekerja. Tapi masa di universiti kebanyakkannya saya melukis lah. *Dulu* [dahulu] kita ada lukisan arkitek iaitu dipanggil lukisan ilustrasi pandangan artis tentang bangunan. Tapi saya tak lukis lah, saya hanya warna. *Draftsman* [pelukis] bagi yang dah siap, kita hanya warna *je* [sahaja].

NMY : **Apakah kenangan manis yang cikgu tak boleh lupakan sekali bila bekerja?**

TMM : Kenangan manis? Semua kenangan manis. Tak ada yang tak manis. Kalau tak manis, tak kerja lah saya.

NMY : **Berapa tahun cikgu melakukan pekerjaan sambilan sebelum memasuki universiti?**

TMM : Berapa tahun? Tak tahu lah, daripada sekolah lah saya bekerja sambilan.

NMY : **Daripada sekolah...?**

TMM : Daripada sekolah rendah lagi. Saya sentiasa bekerja. Sebab saya daripada keluarga yang kurang mampu. Misalnya, macam saya di Tingkatan Enam [6], memang saya tak kenal pun kantin sekolah. Betul-betul saya memang tidak kenal. Selepas saya *grad* [menerima ijazah] universiti *tu* [itu], saya pergi balik sekolah *tu* [itu] baru saya tahu kantin di sana dekat mana. Saya tak pernah pergi kantin. Kawan-kawan saya pergi lah sebab kebanyakannya saya *bawak* [bawa] bekal lah. Minum air, air sejuk *jah* [sahaja].

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

## **BAHAGIAN 4: KERJAYA DALAM BIDANG SENI KONTEMPORARI**

**NMY : Pada tahun bilakah cikgu mula berkecimpung dalam kerjaya seni?**

TMM : Ohh, saya *start* [mula] (berfikir) *seriously* [serius] secara serius dalam tahun sembilan belas lapan puluh enam [1986] tapi saya start belajar tahun lapan puluh empat [84]. Masa *third year* [tahun ketiga] tu saya serius sikit lah.

**NMY : Sudah berapa tahun cikgu berkecimpung dalam kerjaya seni?**

TMM : Sudah berapa tahun? Bilang lah tahun lapan puluh enam [86] sampai sekarang.

**NMY : Apakah kursus, subjek, atau aktiviti ketika di universiti yang paling mempengaruhi pandangan seni karya cikgu?**

TMM : Kursus, subjek, yang paling mempengaruhi pandangan ialah *drawing* [lukisan] dan subjek yang paling saya - sebab *lecturer* [pensyarah] \_ tapi sebenarnya semua subjek lah saya suka.

**NMY : Adakah cikgu terlibat dalam pameran seni atau projek kolaboratif semasa di universiti? Boleh kongsikan pengalaman cikgu?**

TMM : Ohh itu terlalu biasa lah bagi pelajar-pelajar seni halus pada zaman lapan puluh an [80 an] aktiviti tersebut adalah biasa dan masa *tu* [itu] saya diperkenalkan dengan dunia luar, dalam dunia seni lukis di mana pensyarah *tu* [itu] dia melakukan pelbagai pameran di luar, bukan sahaja di universiti. Misalnya, masa *tu* [itu] kami berpameran di Daya Bumi, masa *tu* [itu] hebat lah Daya Bumi. Di KL [Kuala Lumpur] bangunan paling tinggi Daya Bumi lah masa tu lapan puluh an [80 an]. Di Sarawak, kami dibawa ke Sarawak ke Sabah untuk berpameran. Di bawa ke Kelantan juga untuk berpameran Di bawa ke *embassy* [kedutaan] kedutaan-kedutaan untuk berpameran.

NSA : **Kira macam satu [1] Malaysia juga lah, cikgu dibawa untuk buat pameran?**

TMM : Ya, saya berterima kasih dekat *lecturer* [pensyarah] saya sebab dia menganjurkan, dia bawa keluar kami di dunia luar, bukan belajar di dalam dan banyak dia bawa *sketch* [lakaran] - - Kita buat *sketching* [melakar] dan balik kita buat pameran. Kita pergi Sarawak kita buat *sketching* [melakar], cari idea, balik kita buat pameran daripada Sarawak dan Sabah. Banyak tempat kita pergi, Kelantan *bawak* [bawa] saya orang Kelantan, datang Kelantan, buat *research* [kajian] apa semua, balik, kita buat pameran daripada idea-idea yang kita dapat pada tempat tersebut.

NMY : *Pastu [Lepas itu] next [seterusnya], apakah projek seni karya yang paling mencabar yang pernah cikgu hadapi dan bagaimana cikgu mengatasi cabaran tersebut?*

TMM : Tak pernah ada pun, kecuali sebab *exam* [peperiksaan] je, sebab semua projek itu adalah *exam* [peperiksaan]. *Exam* [Peperiksaan] ni [ini] mencabar lah kan? *Takde* [tiada] pun sebenarnya. Saya konsep saya senang *je* [sahaja] lepas, lepas lah, kalau tak lepas, tak lepas lah.

NMY : *Next* [seterusnya], bagaimana cikgu memilih tema atau konsep untuk setiap karya seni cikgu?

TMM : Saya tak pilih sebenarnya konsep. Saya mengkaji. Sebab bila berkarya kita mengkaji, sebelum berkarya kita mengkaji tema kita, kita buat *research* [kajian], kita buat *sketch* [lakaran], kita pergi jumpa sendiri, alami sendiri benda tu. Kemudian bila dapat, rasa sesuai dengan kita, kita buat, scbab saya biasanya karya-karya saya benda yang tidak sesuai dengan saya, saya tidak akan buat lah. Ada yang saya kaji -- dulu saya kaji tentang politik, dan saya cuba buat karya tapi bukan jiwa saya, saya tak bolch buat. *Last* [Akhirnya], tinggal. Scbab benda yang kita buat mesti selari dengan kita, kalau tak selari, tak boleh lah. Kalau -- ada setengah pelukis dia suka (berfikir) *argue* [gaduh] benda yang marah. Misalnya, awak tengok isu sekarang tentang Palestine, biasanya isu Palestine orang buat tentang peperangan dan bom dalam karya kan? Ada setengah pelukis, jiwa nya tidak bgitu. Jiwa dia bila pasal Palestinc dia berkarya dengan imej-imej yang baik, dengan doa yang bersih, imej-imej nya berbeza atas individu. Berbagai-bagai cara kita boleh sampaikan. Daripada situ kita boleh lihatlah sifat pengkarya.

NMY : *Pastu* [Lepas itu] *next* [seterusnya], cikgu pernah *kijo* [kerja] *kei* [kan] *dale* [dalam] satu [1] *kumpule* [kumpulan] untuk projek seni? Mesti *doh* [dah] *kei* [kan]?

TMM : Saya bukan kerja dalam satu kumpulan. Saya sampai *loni* [sekarang] pun kita ada kumpulan yang dipanggil Empat [4] Persepsi. Ada empat [4] pengkarya dalam tu. Kita bersama sejak daripada UiTM [Universiti Teknologi MARA] lah sebab masa belajar - dan kita hanya baru ada dua [2] pamcran sahaja, iaitu pada tahun sembilan belas lapan puluh sembilan [1989] dan yang terbaharunya pada tahun dua ribu sembilan belas [2019], setelah tiga puluh [30] tahun baru dapat kita bersama balik. Scbabnya adalah kckangan masa untuk bersama, scbab masa tu kita ada kerjaya masing-masing, terlalu sibuk untuk luangkan masa bersama. Kadang-kadang kalau kita nak bersama, nak berkarya, nak berpameran bersama, tiga [3] dapat satu [1] orang tak dapat, kadang-kadang dua [2] tak dapat. Jadi kita selepas masa tiga puluh [30] tahun baru *ngam* [dapat]. Walaupun satu [1] kelas yang sama, kerjaya kita berbeza.

NMY : Karya *gapo* [apa] yang cikgu hasilkan dengan Empat [4] Persepsi ini?

TMM : Empat [4] Persepsi? Yang pertama dulu, “*Jeans Series*” [Siri Jeans] saya, seluar jeans. Kalau awak tengok “*Jeans Series*” [Siri Jeans]. -- Yang kedua, pasal budaya, iaitu budaya setempat. –

**NMY** : Apakah teknik atau medium seni karya yang paling cikgu sukai dan kenapa?

**TMM** : Saya suka semua. Semua teknik yang ada dalam karya seni ni, visual lah - saya suka semua, tapi, saya lebih mesra kepada bahan campuran. Sebab bahan campuran ni kemungkinan-kemungkinan yang baharu akan tercipta bila kita berkarya dengan bahan campuran. Kadang-kadang kita buat macam ni, keluar macam ni. Itu adalah kemungkinan-kemungkinan baharu yang kita tidak akan diduga dan kemungkinan-kemungkinan tu kadang-kadang menarik, kadang-kadang tak menarik. yang tak menarik kita buang, yang menarik kita *ambil* [ambil].

**NMY** : *Pastu* [Lepas itu] bagaimana pengaruh budaya atau warisan tempatan mempengaruhi karya seni cikgu?

**TMM** : Memang sangat berpengaruh, saya dilahirkan di sini, dibesarkan di sini, duduk di sini, bekerja di sini, berkeluarga di sini. Ia sangat mempengaruhi saya, masa *kecil* [kecil] saya pakai kain *mok* [mak] saya *je* [sahaja], kain batik *jah* [sahaja]. Sampai *loni* [sekarang] pun tidur saya pakai kain batik juga. Malam pun saya pakai kain batik lagi. Selimut pun dengan selimut kain batik *jah* [sahaja]. Dulu lah, *loni* [sekarang] mana boleh pakai kain batik sebab sejuk, tidur dengan *aircond* [penghawa dingin] dulu kipas pun tak ada. Sebab itu, memang budaya saya. Budaya yang dilupakan. Benda yang baik kenapa ditinggalkan.

**NMY** : *Pastu [Lepas itu], Apakah perkembangan terbaru dalam dunia seni karya yang telah mempengaruhi atau menginspirasi cikgu?*

**TMM** : Karya seni terbaru? Saya tak ada karya terbaru sebab saya melukis daripada dulu sampai sekarang, saya tak pernah berhenti. Kecuali, saya keluar daripada studio, saya keluar ke mana-mana, ha tu saya rehat la tu. Tiga [3] ke empat [4] hari - seminggu, saya rehat lah tu. Kalau saya berada di studio hari-hari memang saya melukis lah. Sebab melukis ini adalah cara hidup, bukan lagi hobi, bukan lagi kerjaya, bukan lagi melukis, dia sudah menjadi satu candu. Awak tahu candu? Dia ketagih. *Macey* [Macam] awak *make* [makan] nasi lah, awak *dale* [dalam] seminggu tu *buleh* [boleh] tak *make* [makan] nasi. Tapi nak *make* [makan] *jugok* [jugak] nasi *kei* [kan]? Sebab dia candu. Itu adalah candu.

**NMY** : **Seterusnya, bagaimana cikgu mengatur masa dan menjadualkan waktu untuk menyelesaikan projek seni cikgu?**

**TMM** : Saya tak ada projek, saya melukis setiap hari. Tak ada, dia macam ni, dulu masa awak *kecik* [kecil] awak nak pakai baju lama kan? *Loni* [Sekarang] awak nak pakai baju tu sekejap *je*. Kenapa *skare* [sekarang] cepat dulu lama?

**NSA : Sebab dah mahir.**

**TMM :** Ya, dulu kalau saya nak buat *painting* [lukisan] masa awal-awal dahulu, lambat.

*Loni* [Sekarang] buat painting yang sama, imej yang sama, cepat. Itu *je* [sahaja], cepat pun tidak cepat lah, lambat jugak. Sebab itu biasanya kalau kita “*Painting berapa lama nak siap, eh?*” Jangan tanya. Itu soalan tak relevan. Sebab biasanya, nak siapkan satu tu adalah sepanjang hidup dia. *Range* [Anggaran] masa tu beza-beza. Saya ada *panting* [lukisan] dari tahun lapan puluh an [80an] tak siap lagi ada. Saya tinggal dulu. Tapi itu bukan *painting* [lukisan] lah kebanyakannya *sketch* [lakaran]. Ada juga dari tahun sembilan puluh an [90an] yang tak siap, yang kita rasa perlu *touch up* [baiki] balik. Lukis balik. Baiki balik. Dia biasanya karya ini tak pernah siap la. Bila dia bertukar tangan. Siap lah. Kadang-kadang kalau bertukar tangan pun kita perlu *touch up* [baiki] balik. Kita rasa tak puas hati.

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5: KERJAYA SEBAGAI PELUKIS

NMY : *Pastu [Lepas itu] next [seterusnya], kerjaya sebagai pelukis pulok [pula].*

*First [Pertama] apakah yang mendorong cikgu untuk memilih seni karya sebagai karier atau hobi?*

TMM : Ini bukan karier. Seni saya bukan karier. Ini cara hidup saya. Sebab saya belajar seni halus. Jadi, saya perlu menggunakan apa yang saya belajar tu sebagai cara hidup saya. Saya tidak ada kerjaya pun dalam seni. Sebabnya *this [ini] is [ialah] my [saya] life [kehidupan]*. Awak bekerja ke awak nak hidup? Awak nak makan nasi perlu kerjaya tak? Itu makna, *art [seni] is [ialah] about [tentang]* jadikan dia sebagai satu *culture [budaya]*, budaya ya, bukan satu kerjaya *deh [ya]*. Bagi saya melukis ini bukan kerjaya tapi ia adalah satu cara hidup. (Berfikir) Kalau awak pamer ke, *ore [orang]* tak tengok ke, orang tak beli ke, orang tak suka ke, orang puji ke, awak masih lagi melukis, sebab itu adalah cara hidup awak. Itu pentingnya cara hidup. Tapi kalau bekerja, orang tak beli, awak *toksei [tak nak]* buat dah benda tu, awak cari benda lain, *ore [orang]* tak suka, awak buat benda lain, kan? Itu kerjaya. Awak serabut dengan benda ni. Awak akan cari kerjaya lain. Tapi kalau cara hidup, awak mestilah akan *continue [teruskan]*. Itu konsep ia.

NSA : Sepanjang berkarya seni ni kan. Ada tak macam situasi yang memberi impak besar dalam *life [kehidupan]* cikgu?

TMM : Semua. Semua yang melibatkan *art [seni]* bagi *impact [kesan]* kepada saya. Tak ada satu pun yang tak bagi *impact [kesan]*.

**NSA** : *Impact* [kesan] macam mana tu?

**TMM** : *Impact* [kesan] - macam awak makan nasi lah. *Impact* [kesan] dia kenyang. Setiap aktiviti tu walaupun pameran besar ke pameran *kecik* [kecil] ke pameran tu berjaya ke, pameran tu tak berjaya ke, semua tu bagi *impact* [kesan] yang baik, tak ada yang tak baik. Dan bagi saya bila berpameran, bila ada *audience* [penonton] yang melihat, saya dah berjaya. Kalau jual, itu hal lain. Dia tak berpameran pun bolch jual.

**NSA** : **(Berfikir) Berapakah hasil seni yang telah cikgu hasilkan sepanjang ini? Banyak lah kan?**

**TMM** : Tak banyak sangat tapi seribu [1000] lebih dah. Kalau kumpul semua lah. Yang kecil yang besar apa semua dah lebih seribu [1000] dah. Sebab *sketch* [lakaran] saya pun dah lebih seribu [1000] dah. Belum karya lagi. Dan saya biasanya, saya simpan - saya simpan karya tu.

**NSA** : **Biasa kalau karya tu ada je [sahaja] kan dapat terima kritikan apa semua?**

**TMM** : Itu *normal* [biasa] lah kan - berkarya.

**NSA : Macam mana cikgu *handle* [atasi] benda tu?**

TMM : Terima *je* [sahaja] lah. Itu pendapat dia kan. Macam awak kan? “Apa lah cikgu pakai baju warna hitam.” Terima je lah. Dah kalau awak nak pakai baju putih, pakai lah. (Ketawa) Takkan awak pakai *lipstick* [gincu] awak nak saya pakai *lipstick* [gincu]. Sebab setiap orang, dia ada pendapat dia, ada pandangan dia, kan? Dia ada pengalaman dia yang berbeza. Jadi, kita terima je lah. Kenapa jadi tak nak terima, nak jadi marah lah apa lah, Tak apa, terima je lah. Yang mana yang baik kita buat - (berfikir) rujukan. Yang mana tak baik, kita buang je. (Ketawa) Kita rasa tak sesuai dengan kita, tak rasa baik, kita buang je. Kadang-kadang benda dia cakap tu tak baik, tapi kita rasa sesuai dengan kita. Kita terima *saje* [sahaja] lah.

**NSA : Bagaimana cikgu mencari inspirasi untuk karya seni cikgu?**

TMM : Saya biasanya, karya saya bersiri. Misalnya, siri saya ada beberapa siri, *first* [pertama] siri yang dipanggil “Siri Imajan” banyak berkaitan dengan *jeans* [jean] - iaitu jean dengan budaya setempat. Iaitu *clash* [tentangan] *between* [antara] budaya barat dengan budaya tempatan. Siri kedua saya dipanggil “Siri Gua” di mana saya buat kajian tentang Gua Cha dan gua-gua lain dan saya pergi pun ke sana buat *research* [kajian] dan dapat lah imej-imej gua dan macam-macam lah yang kita dapat daripada pengkajian tu baru kita berkarya dan siri yang ketiga [ke-3] - iaitu “Siri Kala Kota Bharu” yang tu saya sudah masuk kepada budaya setempat (berfikir) selepas Kala Kota Bharu, saya buat “Siri Dikir Rambutan Rendang” untuk beberapa tahun. Dia satu siri tu banyak tahun selepas Dikir Rambutan Rendang, saya *start* [mula] kepada *khat* [tulisan jawi]. Saya bukan penulis *khat* [tulisan jawi] saya hanya melukis *khat* [tulisan jawi] yang tulis *khat* [tulisan jawi] ialah Khattab daripada jawi - - Jambatan Agama Islam Selangor, dia penulis *khat* [tulisan jawi]. Kita minta tolong dia tulis *khat* [tulisan jawi] apa yang kita nak, kita bayar dan benda tu jadi hak milik kita. Kecil, dia tulis kecil *jah* [sahaja]. Kemudian, saya besarkan, saya lukis di atas kanvas - - iaitu “Siri Rasa Bertuhan”. Kemudian lepas itu, (berfikir) - selepas siri itu, saya pergi kepada “Siri Bacalah” iaitu daripada imej kaligrafi dan *right now* [sekarang ini] carca marba, semua saya campur. Keseronokan tu macam-macam. Siri yang carca marba, tak tahu lagi apa yang kluar. Kalau saya tak tahu apa lagi yang kluar, saya tak akan terbitkan lagi.

## TAMAT BAHAGIAN 5

## **BAHAGIAN 6: GALERI**

**NSA : Baiklah seterusnya cikgu ada galeri kan?**

TMM : Ya saya ada galeri.

**NSA : Galeri tu kat mana?**

TMM : Dekat Rambutan Rendang -- saya ada galeri tapi galeri itu hanya untuk saya, saya tak pernah buat pameran untuk orang lain.

**NSA : Kiranya orang awam tak masuk lah?**

TMM : Orang awam hanya *by appointment* [secara temujanji] sahaja, saya tidak buka untuk *daily* [harian], appointment dia *call* [telefon] saya apa semua, dan saya biasanya tetamu untuk galeri saya tidak ramai lah scbab *by appointment* [secara temujanji] saya tidak buka untuk awam, saya bukak untuk awam tapi *by appointment* [secara temujanji].

**NSA : Kebiasaan nya berapa ramaikah orang akan datang untuk tengok galeri – galeri semua tu?**

TMM : Terpulang tidak kira, nak datang ramai ramai, nak datang sorang sorang dua dua -- biasanya *collector* [pengumpul] yang datang, *collector* [pengumpul] dan juga biasanya pelajar dan university penyarah dari pusat pengajian seni, yang berminat.

**NSA : Pada tahun bilakah cikgu membuka galeri?**

TMM : Buka bagi orang masuk tahun 2018 -- tapi sebenarnya galeri itu 2012 lagi ada.

**NSA** : Ada majlis perasmian?

**TMM** : *Takde* [tiada] - - kenapa nak rasmi ada buat sembahyang hajat lah. *Takde* [tiada] saya tidak rasmi, saya sembahyang hajat *je* [sahaja] , kita orang islam kan apa rasmi-rasmi ini, - - Kita orang islam kita sembahyang hajat, baca doa.

**NSA** : Berapakah kos cikgu tubuhkan galeri itu?

**TMM** : Saya tidak bilang sebab saya menggunakan duit poket, saya *takde* [tiada] pinjaman, ada sikit saya buat sikit, ada 10 Ringgit Malaysia buat 10 Ringgit Malaysia, ada 20 Ringgit Malaysia buat 18 Ringgit Malaysia 2 Ringgit Malaysia makan macam itulah - - sebab saya membina galeri itu - - tanpa pinjaman, apa yang ada buat, sikit-sikit, lama-lama siap lah dan bila siap tiada hutang.

**NSA** : Adakah terdapat kolaborasi daripada mana – mana pihak?

**TMM** : *Takde* [tiada] - - saya *Lone ranger* [bersendirian] .

**NSA** : Di galeri tu cikgu letak berapa hasil seni cikgu?

**TMM** : Dalam galeri ini sebenarnya dia ada galeri dan dia ada stor, dalam stor ni banyak lah ratus-ratus, berapa harga setiap hasil seni itu takyah tanya, ini biasanya kalau dia harga, takyah ahh awak bukan pembeli, kalau awak pembeli awak tanya (senyum)

**NSA : Kiranya dekat galeri tu karya cikgu jelah takde karya orang lain?**

TMM : (mengangguk) karya saya dan juga karya-karya yang saya beli, karya orang lain, saya juga beli karya, tapi karya-karya yang tak mahal lah yang saya nampak ada potensi saya beli - - saya simpan dan saya seronok *tengok* [melihat] karya-karya yang saya rasa - - yang ada potensi untuk lebih maju.

**NSA : Dekat galeri itu ada orang jaga ke?**

TMM : Tiada, galeri itu hanya ada tukang kebun sahaja, jadi tiada orang jaga, ada tukang kebun kalau ada pelawat baru saya pergi sapu, biasa tempat ini kalau seminggu dua minggu ini tidak pergi dia akan berdebu semua kan jadi kalau \_\_\_ sebab itu saya menggunakan *concept appointment* [konsep temujanji] bila nak datang dia bagitau seminggu awal saya boleh pergi cuci apa semua debu-debu, bukan cuci apa pun pergi sapu-sapu, masukkan tukang sapu - - tapi yang hari hari tukang kebun lah, sebab kawasan tu luas kan 1 ekar.

## **TAMAT BAHAGIAN 6**

## **BAHAGIAN 7: KERJAYA SEBAGAI GURU**

**NSA** : Okay kalau kerjaya sebagai guru (berpikir) bila start pekerjaan sebagai guru ini?

**TMM** : Eh saya start lama dah, saya start tahun 1990, saya *grad* [graduasi] 1988, bayangkan saya kerja bertindan tindan

**NSA** : Kiranya seni dengan guru itu selari je?

**TMM** : Guru dengan seni ini, seni ini bukan kerja, itu cara hidup saya, -- tidak akan saya nak *brenti* [berhenti] guru baru saya nak lukis (*geleng*) *continue* je daripada awal sampai \_ \_ \_

**NSA** : Kenapa cikgu nak jadi guru disekolah?

**TMM** : Guru lah pekerjaan yang paling *takde* [tiada] cabaran. Kan saya tidak suka cabaran, lepas itu satu lagi yang boleh (berfikir) apa (berfikir) lesen untuk saya duduk di kampung saya, salah satunya adalah lesen untuk saya berada di kampung dan mungkin kalau tidak jadi cikgu mungkin tidak duduk di kampung lagi kan mungkin saya duduk kat luar -- dan cikgu ni gaji banyak jugok (ketawa) salah satu faktornya gaji banyak jugak kan orang cakap "cikgu banyak juga gajikan" awak tgok *keto* [kereta] cikgu-cikgu ni, ada *keto* [kereta] Mercedes ada ni hebat hebat saya *mari* [datang] dengan *keto* [kereta] buruk (aksi membawa kereta buruk) \_ \_ \_ dengan motor je saya *takde* [tiada] itu kalau saya *mari* [datang] naik *moto* [motosikal] kalau saya pandai naik *moto* [motosikal] Nasib baik saya tak

pandai bawak *moto* [motosikal], saya tak pandai naik motor, saya dulu pandai naik motor, tapi selepas saya melihat kemalangan depan saya ini *dua* [2] *tiga* [3] kali saya tidak boleh naik *moto* [motosikal], tak trauma takleh naik, trauma ni tengok *moto* [motosikal] jadi takot saya tak takot tapi tak boleh naik, (ketawa) nak lintas jalan tak boleh jadi tak pandai, motor saya ada, motor yang saya dulu saya bagi kat \_ saya dan saya ada *dua* [2] *tiga* [3] biji motor walaupun saya tak naik saya beli jugok motor sebab saya suka motor kan, tapi motor motor lama - - - [telefon berbunyi] saya sebenarnya jadi cikgu ini cabaran itu ada tapi bagi saya tiada cabaran lah, enjoy sahaja, kita tidak boleh buat kita buat esok, takleh buat hari ini, kita takleh selesai ada lah kawan kawan boleh selesai \_ \_

**NSA : Apakah kenangan manis yang cikgu tidak boleh lupakan semasa menjadi tenaga pengajar *kat sini* [di sekolah]?**

**TMM : Setiap tahun setiap masa itu manis (ketawa).**

**NSA : (berfikir) Apakah sumbangan cikgu terhadap anak murid kat sekolah ini?**

**TMM : Tiada, saya tiada sumbangan (senyum).**

**NSA : Kalau takde sumbangan apakah harapan untuk anak-anak cikgu ?**

TMM : Harapan dia biar jadi manusia, jadi manusia ingat tuhan, itu sahaja harapan saya. Tiada harapan lain, menjadi manusia engkau dilahirkan manusia jangan jadi lembu jangan jadi biawak, kamu jadi manusia, manusia yang Tuhan suka - - tiba awak belajar tinggi-tinggi awak jadi apa (berfikir) *LGBT* [Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender] apa semua tak guna juga \_ manusia jadi manusia yang sebenar benarnya manusia, manusia yang beragama lah, itu je harapan saya, saya bukan harapan nak suruh budak boleh A boleh B ke tiada *fail, fail* lah.

**NSA : Kalau dalam seni itu?**

TMM : Dalam seni pun macam tu lah *fail* [gagal], *fail* [gagal] lah tinggi-tinggi lah tapi apa yang penting awak tahu awak itu manusia, awak bukan biawak bukan kambing bukan ayam, awak manusia (ketawa) jadi manusia ini dia kena, dia kena ada sifat untuk bertuhan \_ \_ kalau *binatey* [binatang] *takpo* [tiada apa] sebab binatang sentiasa berzikir kepada tuhan kita dok, kita tidak berzikir kepada tuhan \_ orang kaya tidak berzikir kepada tuhan, kalau dia zikir *lagu mano* [macam mana] kita tak tahu *kei* [kan]

## **TAMAT BAHAGIAN 7**

## **BAHAGIAN 8: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN**

**NSA : Baiklah seterusnya sumbangan dan pencapaian dalam bidang seni.**

TMM : Saya tiada sumbangan tiada pencapaian, - okay lah kalau dulu lah pada tahun *lapan puluh sembilan* [89] saya pernah menang *competition* [pertandingan] tapi tempat ketiga [ke-3] masa tu, tempat ketiga [ke-3] ke tempat ke berapa saya pun lupa, iaitu dipanggil Pemandangan Malaysia (berfikir) yang dianjurkan oleh \_\_\_\_\_ National.

**NSA : (berfikir) Boleh cikgu kongsikan pengalaman bagaimana karya seni cikgu tu bagi inspirasi kepada seseorang ataupun kumpulan?**

TMM : Eh saya tak tahu karya seni saya bagi inspirasi kat awak (ketawa) saya tak tahu pun adakah karya saya itu bagi inspirasi kat orang atau tidak sebab saya hanya berkarya, saya berkarya dan dengan harapan karya saya itu boleh berinteraksi dengan *audience* [penonton] -- cara dia mempengaruhi atau tidak mempengaruhi saya tidak tahu sebab mana saya tahu pemikiran orang lain, kadang-kadang ada lah yang bagi *feedback* [maklum balas] ada yang buat kajian pasal karya-karya saya, ada macam haritu saya terjumpa dalam web karya saya yang berada di Balai Seni Negara itu dibuat kajian oleh beberapa orang ahli akademik untuk (berfikir) PHD dia, di lihat begitu mungkin dia (berfikir) bila saya baca *article* [artikel] itu *is very good* [adalah sangat baik], sebab dia tidak menyokong mana-mana, dia tidak menyokong dan tidak membenci, dia menulis secara jujur *pattern* [coral] itu bagaimana begitu, saya seronok begitu, tak tahu lah takot dia bagi inspirasi kat orang itu.

NSA : **Apa aspek-aspek tertentu dalam seni yang cikgu rasa beri sumbangan unik kepada masyarakat?**

TMM : (berfikir) Kaedah berfikir, kaedah berfikir ini bila awak belajar seni ni biasanya dia sebab (berfikir) manusia, persekitaran, alam dan tuhan *gitu* [begitu], *art* [seni] ini disebab benda tu kebanyakannya lebih menjurus, bukan semua tapi lebih menjurus ke situ, itu yang keseronokan itu, sebab awak belajar *art* [seni] ini awak tidak semestinya (berfikir) - - awak belajar *painting* [melukis] buat *painting* [melukis] tidak semestinya awak jadi *painter* [pelukis] \_\_ awak belajar *drawing* [melukis] tidak semestinya awak tu awak teruskan dalam \_\_ tapi benda tu (batuk) kadang-kadangnya mengajar awak bagaimana cara melihat, macam awak *observation* [pemerhatian] pengamatan, bagaimana melihat, bagaimana meluahkan apa yang awak lihat, bagaimana (berfikir) apa yang awak luahkan apa yang awak lihat itu awak (berfikir) ubahkannya menjadi sesuatu yang boleh diterima orang, yang boleh dibenci orang lain, ada juga setengah itu, adalah suatu ketika dahulu masa (berfikir) masa memberontak, jiwa memberontak masa tu, masa saya *baya-baya* [seumur] awak kan, kita membuat karya-karya supaya orang marah, kita bawak karya-karya supaya orang marah, *statement-statement* [kenyataan-kenyataan] kita membuat \_\_ kadang kadang manakemarahan orang lain *statement-statement* [kenyataan- kenyataan] dalam karya, itu tapi benda itu tidak (berfikir) tidak berkekalan, tidak lama, kejap sahaja (anak murid menyampuk)

NMY : (berfikir) Kalau dari segi sumbangan cikgu dalam bidang perguruan, cikgu pernah ada dapat iktiraf *gapo-gapo* [apa-apa] ko?

TMM : Tiada

NMY : Anugerah pun?

TMM : Tiada, jawatan tertinggi saya guru kelas.

#### **TAMAT BAHAGIAN 8**

## **BAHAGIAN 9: HARAPAN**

**NSA : Lastlah harapan**

TMM : Harapan generasi akan datang menjadi manusia yang bagus, itu harapan saya, harapan saya jadi manusia yang tuhan redha, itu yang paling penting menjadi manusia

**NMY : Harapan cikgu yang masih belum tercapai ada ke?**

TMM : Harapan yang belum tercapai? Angan-angan bukan harapan, harapan itu (berfikir) sebab kita *takleh* [tidak boleh] tengok masa depan kan, awak boleh *tengok* [melihat] masa depan? Jadi kita angan-angan lah, angan-angan tak rugi, tak kena bayar pun angan-angan, *mek* [gadis] awak duk angan-angan Whatsapps dengan *boyfriend* [teman lelaki] ada kena bayar? Takde kan, takde angan-angan, cita-cita lah besar tinggi mana pun kan nak capai atau tidak tu nasib lah, rezeki awak kan, kalau rezeki awak capai cepat, rezeki awak lewat lewat lah, macam ini juga awak belajar bersama *loni* [sekarang] belajar bersama satu kelas *grad* [graduasi] bersama tiba-tiba awak boleh kerja, padahal dalam kelas dia bukan *best student* [pelajar terbaik] pun dia boleh kerja, yang *best student* [pelajar terbaik] tidak boleh kerja pun lagi, tiba-tiba yang tidak *best student* [pelajar terbaik] boleh sampai (berfikir) sampai cucu, sebenarnya *life* [kehidupan] itu kerja lah itu, walaupun dia tidak kerja pergi masuk *office* [pejabat] suri rumah tangga itu bekerja lah itu, bangun tidur kerja, *brenti* [berhenti] rehat tidur lah, jadi *jangey duk* [jangan buat] (berfikir) *tension* [ketegangan] sangat, itu concept [konsep] saya.

NMY : Cikgu berharap tak seni yang cikgu *hasilkey* [hasilkan] tu *macey* [macam] mempengaruhi (berfikir) pandangan masyarakat?

TMM : Saya tidak pernah berharap (senyum) saya berdoa je, saya tidak harap pun (ketawa). Dan harapan saya *buket* [bukan] harapan lah angan-angan lah, pada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam *art* [seni] ini supaya benda ini berkembang lah, dan menjadi tidak mati, berkembang, kalau kita *tengok* [melihat] \_ painting dia kan, kalau kita *tengok* [melihat] \_ daripada dulu sampai sekarang orang *duk* [buat] kaji kan orang *duk* [buat] \_ \_, berkembang lah ilmu-ilmu dia berkembang, sedikit sebanyak pun berkembang, walaupun ilmu itu yang positif atau yang negatif, kita tak, bagi saya tak perlu persoalkan yang positif yang negatif, yang saya persoalkannya ialah bagaimana ilmu itu berkembang, sampai loni [sekarang] beratusan orang \_ \_ \_ angan-angan nasib baik jadi, nasib tak baik tak jadi,tuhan bagi jadi-jadi.

## TAMAT BAHAGIAN 9

## PENUTUP

NMY : Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Mohd Noor Mahmud di sepanjang beliau bergelar artis seni kontemporari selama 20 tahun. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni kontemporari para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# **LAMPIRAN**

## LOG WAWANCARA

Nuwairah dan Shairah menemubual Encik Mohd Noor bin Mahmud, yang dilahirkan pada 1964, di Kota Bharu, Kelantan. Temubual dijalankan di Sekolah tempat beliau mengajar iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bharu, Kelantan, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang artis seni kontemporari dan tenaga pengajar dalam tahun 1986 hingga kini.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
0.00	Bercerita tentang latar belakang	, Kota Bharu
4.00	Menceritakan lebih mendalam tentang ahli keluarga	
<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
0.00	Menyediakan butiran tentang sekolah rendah dan menengah	Kem Tenrendak, Melaka, SK Rambutan Rendang, SK Sri Cempaka
7.00	Active dalam sukan dan mewakili Kelantan	Bola tampar, Tennis, Hoki
7.41	Menyediakan butiran tentang zaman di IPT	UiTM Shah Alam
9.00	Menyambung pembelajaran sehingga ke luar negara	Leicester, UK University in Jerman Pratt University
<b>BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL</b>		
0.00	Melakukan kerja kerja kampung	Cat jalan, Jual ikan, Tanam sayur
11.20	Masa di university telah memulakan kerja sebagai pelukis	

**BAHAGIAN 4: KERJAYA DALAM BIDANG SENI KONTEMPORARI**

0.00	Menceritakan pertama kali dalam seni kontemporari	1984, 1986
16.00	Bercakap tentang pengalaman ketika menyertai aktiviti di universiti	Seni Daya Bumi, KL
21.40	Membuat research untuk semua karya	
22.40	Menceritakan tentang ciri ciri pelukis	
24.20	Menceritakan tentang 4 persepsi	1989, 2019 Karya Jeans Series Budaya Setempat
26.20	Menceritakan tentang Teknik seni bahan campuran	
31.50	Menceritakan tentang masa untuk setiap karya seni	

**BAHAGIAN 5: KERJAYA SEBAGAI PELUKIS**

0.00	Menceritakan impak dalam seni	
36.30	Menyatakan jumlah hasil karya	1000 karya
38.45	Menceritakan tentang karya	Siri Imajan Siri Gua Cha Siri Kala Kota Bharu Siri Dikir Rambutan Rendang Melukis khat, jawi Siri Rasa Bertuhan Siri Bacalah

**BAHAGIAN 6: GALERI**

0.00	Bermulanya pembukaan galeri	2018
44.00	Membuka galeri tanpa pinjaman	
44.39	Menceritakan tentang hasil seni di galeri	Karya sendiri dan Karya yang dibeli

**BAHAGIAN 7: KERJAYA SEBAGAI GURU**

0.00	Memulakan karya sebagai guru	1990
51.00	Menceritakan pengalaman manis	
51.55	Harapan kepada anak murid	

#### BAHAGIAN 8: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN

0.00	Pernah memenangi pertandingan	1989, Pemandangan Malaysia tempat ke-3
55.20	Menceritakan tentang karya seni yang memberi inspirasi kepada seseorang	Karya di balai seni negara di buat kajian oleh PHD student
57.30	Menceritakan aspek tertentu dalam seni karya yang beri sumbangan unik	Kaedah berfikir, cara melihat dan pengamatan

#### BAHAGIAN 9: HARAPAN

0.00	Memberi nasihat kepada semua	
------	------------------------------	--

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 AM	11.10.2023	<p>Puan Nurulannisa memberitahu kami tentang sejarah lisan dan tajuk kajian lisan tahun ini ialah Seni Warisan dan Budaya.</p> <p>Pelajar diminta oleh Puan Nurulannisa untuk membentuk kumpulan dua orang dalam setiap kumpulan dan kemudian memikirkan individu yang sesuai untuk ditemu bual.</p>	<p>Kami membuat catatan tentang kajian lisan dan tugasan.</p> <p>Memilih ahli kumpulan</p>
10.00 AM	14.10.2023	Menggunakan Google untuk melakukan carian mengenai Tokoh Seni Warisan dan Budaya dalam bidang seni lukis kontemporari.	<p>Kami memilih Tuan Mohd Noor Bin Mahmud yang merupakan scorang tokoh seni kontemporari dan juga merupakan cikgu seni di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bharu, Kelantan. Beliau juga diiktiraf sebagai Tokoh seni Budaya Kelantan.</p>

1.00 PM	18.10.2023	Surat penyelidikan untuk menemubual tokoh.	Pensyarah, Puan Nurulannisa, telah menghantar surat penyelidikan kepada kami.
9.30 AM	19.10.2023	Mengusulkan Puan Nurulannisa untuk Tokoh Seni Kontemporari yang dipilih.	Mendapat persetujuan daripada pensyarah, Puan Nurulannisa.
11.00 AM	20.11.2023	Menghubungi Tuan Mohd Noor Mahmud untuk bertanyakan kesudian beliau untuk ditemubual.	Kami mendapat persetujuan untuk menemubual beliau.
8.00 AM	28.11.2023	Menghantar soalan yang akan ditanyakan kepada Tuan Mohd Noor Mahmud kepada Puan Nurulannissa.	Kami dikehendaki membuat pembetulan soalan.
12.00 PM	30.11.2023	Menghantar soalan yang telah dibetulkan kepada pensyarah, Puan Nurulannisa.	Soalan kami telah mendapat persetujuan daripada Puan Nurulannissa.
8.30 AM	13.12.2023	Temubual bersemuka Bersama Tuan Mohd Noor Mahmud di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bharu.	Temubual dijalankan.

10.00 AM	13.12.2023	<p>Temubual selesai.</p> <p>Kami berterima kasih kepada Tuan Mohd Noor Mahmud kerana sudi meluangkan masa Bersama kami dan bergambar bersama beliau.</p> <p>Perjanjian sejarah lisan juga turut ditandatangani oleh Tuan Mohd Noor Mahmud.</p>
-------------	------------	--

# **SENARAI SOALAN**

## Pengenalan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengenalan hidup seseorang tokoh dalam bidang seni lukis. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Noor Mahmud yang merupakan seorang artis seni kontemporari. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 december 2023 bersamaan dengan hari rabu pada pukul 8.00 pagi bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Nuwairah binti Mohd Yusuf dan Nur Shairah Atiqah binti Mohd Hamzar. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### A. Latar belakang peribadi tuan

1. Apakah nama penuh tuan?
  2. Berapakah tarikh kelahiran tuan?
  3. Dimanakah tuan dilahirkan dan dibesarkan?
  4. Dimanakah tempat tinggal tuan sekarang?
  5. Apakah hobi tuan ketika waktu lapang?
  6. Bolehkah tuan ceritakan serba sedikit tentang adik beradik tuan?
    - Berapakah bilangan adik beradik tuan?
    - Dimanakah mereka tinggal sekarang?
  7. Siapakah nama isteri tuan dan berapakah umur beliau?
  8. Berapakah usia perkahwinan tuan sekarang?
  9. Berapakah bilangan anak tuan?
10. Bagaimanakah khidupan anak - anak tuan sekarang?
- Apakah pekerjaan mereka?
  - Adakah mereka sudah berkahwin?
  - Berapakah anak mereka?
  - Adakah mereka duduk bersama sama dengan tuan?

## B. Sejarah Pendidikan

1. Bolehkah tuan menceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan awal tuan?
  - Sekolah Rendah & Menengah
    - Dimanakah tuan bersekolah sewaktu sekolah rendah & menengah?
    - Siapakah kawan baik tuan ketika waktu sekolah dahulu?
    - Siapakah guru kegemaran tuan ketika di sekolah dahulu?
    - Apakah mata pelajaran yang menjadi kegemaran tuan sewaktu sekolah dahulu?
    - Pernahkah tuan mewakili sekolah dalam apa-apa program?
    - Apakah pencapaian tertinggi yang pernah tuan capai sewaktu di sekolah dahulu?
    - Adakah tuan pernah menyandang apa-apa jawatan ketika di sekolah dahulu?
  - IPT
    - Dimanakah tuan menyambung pelajaran setelah tamat persekolahan?
    - Siapakah yang menjadi kawan baik tuan ketika di universiti?
    - Siapakah yang menjadi pensyarah kegemaran tuan sewaktu di universiti?
    - Apakah mata pelajaran yang menjadi kegemaran tuan sewaktu di university dahulu?
    - Pernahkah tuan mewakili universiti dalam apa-apa program?
    - Adakah tuan pernah menyandang apa-apa jawatan ketika di universiti dahulu?

## C. Kerjaya awal

1. Selepas tamat persekolahan adakah tuan pernah memulakan pekerjaan sambilan dan apakah pekerjaan tuan ketika itu?
2. Berapakah gaji tuan ketika itu?
3. Berapakah pekerjaan sambilan yang pernah tuan buat?

4. Apakah kenangan manis yang tuan tak boleh lupakan sekali bila bekerja?
5. Berapa tahun tuan melakukan pekerjaan sambilan sebelum memasuki universiti?

D. Kerjaya dalam bidang seni kontemporari

1. Pada tahun bilakah tuan mula berkecimpung dalam kerjaya seni?
2. Sudah berapa tahun tuan berkecimpung dalam kerjaya seni?
3. Mengapa tuan memilih bidang seni kontemporari ini?
4. Apakah kursus, subjek, atau aktiviti ketika di universiti yang paling mempengaruhi pandangan seni karya tuan?
5. Adakah tuan terlibat dalam pameran seni atau projek kolaboratif semasa di universiti? Boleh kongsikan pengalaman tuan?
6. Apakah projek seni karya yang paling mencabar yang pernah tuan hadapi dan bagaimana tuan mengatasi cabaran tersebut?
7. Bagaimana tuan memilih tema atau konsep untuk setiap karya seni tuan?
8. Adakah tuan pernah bekerja dalam satu projek seni bersama pasukan? Bagaimana tuan berinteraksi dengan rakan sekerja atau artis lain?
9. Apakah teknik atau medium seni karya yang paling tuan suka dan kenapa?
10. Adakah terdapat tema atau motif tertentu yang sering muncul dalam karya seni tuan? Mengapa tema tersebut begitu penting bagi tuan?
11. Bagaimana pengaruh budaya atau warisan tempatan mempengaruhi karya seni tuan?
12. Apakah perkembangan terbaru dalam dunia seni karya yang telah mempengaruhi atau menginspirasi tuan?
13. Bagaimana tuan mengatur masa dan menjadualkan waktu untuk menyelesaikan projek seni tuan?
14. Apakah karya seni tertentu yang mempunyai makna atau nilai khusus bagi tuan? Boleh kongsikan ceritanya?
15. Bolehkah tuan kongsikan satu karya seni yang mencetuskan perbincangan atau mendapat pengiktirafan yang tidak dijangka?

E. Kerjaya sebagai pelukis

1. Apakah yang mendorong tuan untuk memilih seni karya sebagai karier atau hobi?
2. Bolehkah tuan menceritakan satu pengalaman atau peristiwa tertentu yang mencorak atau membentuk tuan sebagai seniman?
3. Adakah terdapat peristiwa tertentu atau titik belok dalam kerjaya seni karya anda yang memberi impak besar?
4. Bilakah bermulanya hasil seni dihasilkan dan apakah motif lukisan tersebut?
5. Berapakah hasil seni yang telah tuan hasilkan sepanjang ini?
6. Siapakah yang menjadi idola tuan pada ketika itu?
7. Apakah aliran seni atau seniman yang mempengaruhi atau menginspirasi tuan?
8. Adakah tuan pernah berhadapan dengan kritikan atau ulasan negatif terhadap karya seni tuan? Bagaimana tuan mengendalikannya?
9. Bagaimana tuan mengatasi cabaran atau ketidakpastian dalam dunia seni karya?
10. Bagaimana tuan mencari inspirasi untuk karya seni tuan?
11. Apakah sumbangan tuan terhadap seni kontemporari?

F. Galeri

1. Adakah tuan memiliki sebuah galeri dan dimanakah terletaknya galeri tersebut?
2. Mengapakah tuan memilih lokasi tersebut untuk menubuhkan galeri itu?
3. Berapakah kos yang dikeluarkan oleh tuan untuk membina galeri tersebut?
4. Pada tahun bilakah tuan membuka galeri?
5. Siapakah yang merasmikan majlis tersebut?
6. Adakah galeri tuan mendapat sambutan?
7. Adakah terdapat kolaborasi daripada mana-mana pihak yang menolong tuan dalam penubuhan galeri ini?
8. Berapakah hasil seni yang berada di dalam galeri tersebut?
9. Berapakah harga untuk setiap hasil seni itu?
10. Adakah terdapat karya daripada artis seni lain yang ada di dalam galeri tuan?

11. Adakah tuan mempunyai pekerja di galeri tersebut?
12. Berapakah bilangan pekerja yang terdapat di galeri?
13. Apakah peranan pekerja di galeri tersebut?

#### G. Kerjaya sebagai guru

1. Bilakah tuan memulakan pekerjaan tuan sebagai guru seni di sekolah?
2. Apakah yang menjadikan sebab tuan ingin menjadi guru seni di sekolah?
3. Adakah ramai pelajar yang meminati seni?
4. Apakah cabaran tuan ketika mengajar anak - anak murid di sekolah?
5. Apakah kenangan manis yang tuan tidak boleh tuan lupakan semasa menjadi tenaga pengajar di sekolah itu?
6. Apakah sumbangan tuan terhadap anak murid di sekolah?
7. Apakah harapan tuan kepada murid - murid tuan sekarang?

#### H. Sumbangan dan pencapaian

- Bidang Seni

- Bolehkah tuan menceritakan mengenai satu projek seni karya yang tuan rasa memberikan sumbangan yang signifikan kepada komuniti atau masyarakat?
- Adakah tuan pernah terlibat dalam projek seni karya yang mempunyai impak sosial atau kemanusiaan? Boleh kongsikan pengalaman tuan?
- Adakah tuan pernah mendapat anugerah berkenaan dengan hasil pembuatan seni tuan?
- Adakah tuan pernah menerima pengiktirafan atau pujian mengenai karya seni tuan?
- Bolehkah tuan kongsikan pengalaman apabila melihat bagaimana karya seni tuan memberikan inspirasi atau perubahan kepada seseorang atau kumpulan?
- Apakah aspek-aspek tertentu dalam seni karya yang tuan rasa memberikan sumbangan unik atau berbeza kepada masyarakat?

- Bidang Perguruan

- Adakah tuan pernah mendapat apa-apa pengiktirafan selama bekerja sebagai seorang guru?
- Apakah anugerah yang pernah disandang oleh tuan sebagai seorang guru?

### I. Harapan

1. Apakah harapan tuan kepada generasi sekarang yang berkecimpung di dalam bidang seni kontemporari ini?
2. Apakah impian yang tuan masih belum tercapai?
3. Bagaimana tuan berharap seni karya tuan dapat mempengaruhi persepsi atau pandangan masyarakat terhadap isu tertentu?
4. Apakah harapan tuan untuk sumbangan seni karya tuan kepada masyarakat dalam jangka masa panjang?

### Penutup

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Mohd Noor Mahmud di sepanjang beliau bergelar artis seni kontemporari selama 20 tahun. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni kontemporari para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# SURAT PERJANJIAN



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

—dengan ini bersetuju cergas syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penyebarluasan tanpa melibatkan bayaran/ bantutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada teloh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan tetap dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang dibutuhkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Matematik, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh teloh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau dari negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diamodul dan rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penelitian, tesis dll, suruhannya (tokooh) hendaklah diaudi oleh penyelidik-penyeidik.

(Name Penyelidik: Noruzanna Binti Abdulrahman)  
b.p. Penduduk Nabi Canselor  
Pengajian Sains Matematik  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Gambar 1: Surat Perjanjian

## GAMBAR



Gambar 2: Gambar penemubual bersama Tuan Mohd Noor Mahmud




**Gambar 3:** Gambar penemubual bersama Tuan Mohd Noor Mahmud



Gambar 4: Lokasi temubual dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan, Kota Bharu,  
Kelantan

## HASIL KARYA-KARYA SENI TOKOH



Gambar 5: Siri Kala Kota Bharu Series,  
Kain Lepah




Gambar 6: Siri Kala Kota Bharu Series,  
Mek Gayah Buje



Gambar 7: Siri Kala Kota Bharu Series  
Main Ayun




Gambar 8: Siri Kala Kota Bharu Series,  
Wok Sohok Cherut Rumput



**Gambar 9: Siri Gua, Empat**



Gambar 10: Siri Imajan, Jeans Series 1



Gambar 11: Siri Imajan, Jeans Series 2

## SIJIL PENGHARGAAN



LAKARAN KALA KOTA BHARU II (2004)

MOHD NOOR MAHMUD

PROF. DATO' SERI IR. DR. ABDUL RAHMAN JANURI (PENGGAMAT)  
KEDAH STATE HERITAGE  
Chairman - State Museum

Gambar 12: Sijil Penghargaan

# INDEKS

## A

artis, i, ii, 1, 10, 33  
apakah, ii, 4, 6, 11, 12  
adalah, i, ii, iii, 1, 5  
Allah s.w.t, i, ii, iii, vi  
*art*, iii, iii  
akan, vi, 14, 16, 19  
ada, 2, 3, 4, 5, 7, 8, 10  
awak, 4, 8, 14, 15  
awal, 5, 10, 24, 25

## B

berjaya, i, 19,  
bagi, i, 3, 10, 13  
bersama, i, ii, 4, 15, 33  
*best*, 6, 33,  
beberapa, vi, 5, 21

## C

cikgu, ii, 1, 2, 3, 4, 5  
cabaran, i, 13, 25  
*Contemporary*, iii  
Cempaka, 4, 5  
capai, 6, 7

## D

dengan, i, iv, 1, 2  
dalam, i, ii, vi, 6, 7  
diberikan, i, vi, 34  
dan, i, ii, v, 1, 2, 3, 4  
*deh*, 5, 6, 7, 18

## N

nak, 1, 5, 6, 8, 15, 17, 18, 20, 21, 22, 23, 24,  
24, 26, 27, 33  
Noor, i, ii, iii, v vi, 1

## O

**P**  
painting, iii, 18, 30, 34  
pandai, 25, 26  
pandangan, 10, 12, 20, 33  
pameran, 12, 13, 15, 19, 22  
pekerjaan, 4, 10, 11, 25  
pelukis, 8, 14, 18  
pencapaian, 6, 7, 28  
pengajaran, vi, 22  
pengalaman, i, 12, 2, 28, 34  
pengkarya, 14, 15  
pensyarah, i, 8, 13, 22  
projek, i, 12, 13, 14, 15, 17

## Q

## E

*embassy*, vi, 9

## R

Rambutan Rendang, v, vi, 7, 12, 10, 11, 12, 13, 22  
research, 13,14,21

## F

faham, i,  
*from*, iii  
*for*, iii

## S

sekolah, 6, 24, 26  
selari, 14, 15  
seni, ii, vi, 8, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 27, 28, 29, 30, 33  
seni halus, vi, 8, 13, 18  
Seni Kontemporari, i, ii, vi, 1, 12, 34  
seni lukis, i, ii, 1, 13  
setempat, 15, 21  
seronok, 6, 24, 29  
sewaktu, 5, 6, 8  
siri, ii, iii, 21  
sketch, 13, 14, 18, 20  
*skare*, 2, 17  
student, vi, 9, 10, 33  
subjek, i, vi, 6, 12  
suka, 6, 7, 12, 14, 16, 19, 25, 26, 27

## G

galeri, ii, iv, 22  
*Gapo*, 8, 15, 30

## T

tahun, ii, vi, 2, 4, 9, 11, 12, 15, 18, 20, 22, 25, 26, 28, 34  
tempat, 2, 13, 24, 28  
tempatan, 16, 21  
terima kasih, i, 13, 34  
tertinggi, 6, 7, 31  
tinggi, vi, 13, 27, 33

## H

hasil, ii, vi, 15, 20, 23, 33, 34  
*his*, iii  
*he*, iii  
harapan, 26, 27, 32, 33, 34

## U

universiti, vi, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 22

## I

ini, i, ii, vi, 1, 3, 10, 15, 16, 18 , 23, 25, 26, 29, 30  
ingin, i  
ingat, 5, 27

## V

**J**

juga, i, vi, 6, 7, 9  
jasa, i,  
jaya, i, ii, iv,  
*jah*, 11, 16, 21

**W**

walaupun, i, 15, 19, 26, 33, 34  
waktu, 5,7,17,  
warna vi,10,20

**K**

kita, i, vi, 10, 13, 14  
kerjasama, i, 34  
kalau, 3, 4, 5, 6, 8, 10, 16, 18, 23, 27, 33, 24  
*kei*, 6, 15, 27,  
kontemporari, i, ii, iv, v, vi, 1, 12

**X**

lukis, i, ii, 1, 10, 13,  
lukisan, 10, 12,  
lupa, i, 11, 16, 26  
latar belakang, iv, 1

**Y**

manis, i, 11, 12, 13, 26  
mengenai, i, 1, 5  
memberikan, i  
menyiapkan, i, ii  
masa, i, ii, vi, 8, 10, 12, 15, 17, 19, 21, 22  
melukis, 10, 17, 19

**Z**